

08 DEC 2002

Ghani-Aman

RAKYAT M'SIA DI LUAR NEGARA TIDAK TERPENGARUH DAKYAH ASING

MUAR, 8 Dis (Bernama) -- Rakyat Malaysia di luar negara dan pelancong asing yang pernah melawat Malaysia pasti tidak akan mempercayai cerita dongeng negara asing kononnya Malaysia merupakan negara yang tidak selamat, kata Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman.

"Ini kerana bagi rakyat Malaysia yang berada di pelusuk mana dunia sekalipun tetap menyatakan Malaysia adalah negara watan mereka yang terbaik.

"Saya percaya rakyat Malaysia di Australia juga akan balik... kerana tidak ada tempat di negara lain yang lebih sejahtera dari negara kita," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Hari Raya di kediamannya di Sungai Mati dekat sini, hari ini.

Beliau berkata lantaran itu sebarang usaha untuk menghasut rakyat Malaysia dan juga pelancong asing supaya tidak datang ke Malaysia akan gagal.

Abdul Ghani berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin mengenai aduan dua pelajar Malaysia bahawa mereka dinasihatkan beberapa pihak tertentu di negara itu jangan pulang ke Malaysia.

Kedua-dua pelajar Malaysia di Australia itu, yang mengunjungi rumah terbuka Dr Mahathir di Seri Perdana, Putrajaya mengadu bahawa mereka dinasihatkan jangan pulang untuk berhari raya kerana kononnya Malaysia tidak selamat dan dalam keadaan huru hara.

Dr Mahathir ketika mengulas aduan itu membidas usaha pihak tertentu di negara asing yang sengaja menyebarkan fitnah untuk memberi gambaran Malaysia tidak selamat.

Abdul Ghani berkata bukan saja anak watan Malaysia yang bangga dengan keamanan hidup dalam masyarakat majmuk di negara ini, bahkan pelancong asing juga turut menghargai keharmonian hidup rakyat Malaysia.

"Saya percaya bahawa rakyat Malaysia tak akan terpengaruh dengan hasutan seperti itu," katanya.

-- BERNAMA

MNY ZB